



PERTANDINGAN PRODUK KRAF BULUH (Sempena Sambutan Ulang Tahun PUSAKA Ke-50)

PENGENALAN

PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK (PUSAKA) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Perancangan Bandar, Sarawak merupakan badan berkanun Negeri Sarawak yang dipertanggungjawabkan dalam membangunkan industri buluh Negeri Sarawak sejak tahun 2016.

MATLAMAT

Mengenalpasti dan mengiktiraf pengusaha kraf buluh tempatan Negeri Sarawak dalam penghasilan produk kraf buluh yang bertemakan ***“Melestarikan Produk Kraf Buluh Etnik Sarawak”***. Hasil produk kraf buluh tersebut nanti akan didokumenkan serta diletak di dalam Muzium Perkayuan PUSAKA untuk tujuan pameran dan kajian akan datang dan selanjutnya dikomersialkan diperingkat yang lebih baik.

OBJEKTIF

- i. Menggalakkan pengusaha kraf buluh tempatan menghasilkan dan melestarikan hasil kraf buluh yang terdapat di Sarawak
- ii. Mengeluarkan produk yang berkualiti, kompetitif dan berdaya saing di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa
- iii. Membangun dan meningkatkan idea-idea kreatif dalam penghasilan produk kraf berasaskan buluh bagi memenuhi keperluan pasaran
- iv. Mendokumen dan memelihara hasil kraf buluh yang terdapat di Sarawak

SYARAT PENYERTAAN

1. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua penduduk tempatan dan pengusaha kraf buluh Negeri Sarawak
2. Hasil kraf yang dihasilkan mestilah asli dan tidak pernah memasuki mana-mana pertandingan produk kraf buluh di peringkat tempatan atau antarabangsa. Produk kraf buluh yang pernah memenangi mana-mana pertandingan sebelum ini atau terdapat aktiviti peniruan adalah tidak layak untuk dipertandingkan dan dianggap sebagai pemenang.
3. Pihak penganjur (PUSAKA) berhak menolak mana-mana penyertaan atau menarik balik sebarang bentuk hadiah yang diperolehi sekiranya perkara tersebut berlaku sama ada sebelum atau selepas keputusan muktamad dibuat.
4. Setiap peserta hanya layak menyertai satu (1) penyertaan sahaja mengikut kategori produk seperti berikut: -

Kategori Pertandingan Produk Kraf Buluh:-

i. Anyaman tikar berasaskan buluh

- Anyaman tikar dari jenis-jenis buluh dengan ukuran 4 kaki x 8 kaki.
- Kombinasi bahan dibenarkan dengan 70% mestilah daripada buluh. Walau bagaimanapun, penggunaan 100% bahan buluh adalah diutamakan
- Menyatakan jenis buluh yang digunakan
- Memberi keterangan berkenaan dengan identiti etnik anyaman tersebut.

ii. Produk Perabot berasaskan buluh

- Contoh produk perabot buluh ialah kerusi, meja, almari, tabung, lampu, permainan, ukiran, perhiasan dan sebagainya
- Kombinasi bahan dibenarkan dengan 70% mestilah daripada buluh. Walau bagaimanapun, penggunaan 100% bahan buluh adalah diutamakan
- Menyatakan jenis buluh yang digunakan
- Memberi keterangan berkenaan dengan identiti produk perabot buluh tersebut.

5. Semua penyertaan boleh dihantar ke Pejabat PUSAKA yang berhampiran di Kuching, Tg. Manis, Sibu, Bintulu, Miri dan Limbang
6. Semua penyertaan akan melalui proses saringan mengikut kategori produk sebelum dinilai oleh juri profesional.
7. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan, kerosakan dan kehilangan produk atau dokumen sebelum atau selepas penyertaan. Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan
8. Keputusan juri adalah muktamad di dalam pemilihan dan penilaian akhir bagi produk yang dipertandingkan

9. Pihak penganjur berhak menyimpan dan menggunakan produk (penyertaan) yang berjaya terpilih (no. 1 hingga no. 18) bagi tujuan dokumentasi, promosi dan pameran pada masa akan datang.
10. Pihak penganjur berhak menggunakan semua gambar penyertaan (produk kraf buluh) yang menyertai pertandingan ini bagi tujuan dokumentasi, promosi dan publisiti PUSAKA
11. Produk yang tidak berjaya terpilih dalam pertandingan ini boleh dituntut semula oleh peserta dan penganjur tidak bertanggungjawab menanggung kos pemulangan atau penghantaran tersebut.

KRITERIA PEMILIHAN

- Pihak penganjur berhak melantik mana-mana panel penilai bagi menghakimi pertandingan tersebut dan keputusan panel penilai adalah muktamad.
- Penilaian akan dibuat berdasarkan kepada kriteria seperti berikut:-
 - **Keaslian**
Menampilkan identiti dan nilai budaya Sarawak bagi penghasilan produk kraf yang berkonsepkan tradisional, moden atau kontemporari
 - **Inovasi**
Inovasi dalam rekabentuk dan penghasilan diterjemahkan melalui rekabentuk, campuran penggunaan bahan (70% bahan MESTILAH daripada buluh) dalam proses penghasilan produk kraf buluh
 - **Pemilihan bahan**
Kecemerlangan yang ditunjukkan dalam penetapan piawaian kualiti dalam pemilihan bahan untuk meningkatkan rekabentuk, nilai dan ketahanan produk kraf tersebut. Bahan hendaklah 70% dari buluh dan 30% lagi bahan campuran lain. Bahan pengawet yang digunakan untuk memastikan ketahanan produk buluh perlu dinyatakan.
 - **Mesra alam (kemasan)**
Kekemasan penghasilan produk kraf buluh dari segi penelitian dan kemasan akhir melalui penggunaan pewarna semulajadi, gentian asli, bahan kitar semula dan penggunaan bahan-bahan yang mesra alam.

PROSES PENYERTAAN

- Borang penyertaan boleh didapati di laman web PUSAKA atau datang sendiri di kaunter Pejabat PUSAKA yang berhampiran.
- Semua borang penyertaan, produk dan keterangan produk yang lengkap hendaklah dihantar ke Urusetia Jawatankuasa Pertandingan Produk Kraf Buluh **pada atau sebelum 28 April 2023 (Jumaat) jam 5 petang** di alamat berikut:-

| | |
|--|--|
| <p>JAWATANKUASA PERTANDINGAN PRODUK KRAF BULUH Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) Wisma Sumber Alam, Jalan Stadium, Petra Jaya 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia</p> <p>Tel: 082-473000, Faks: 082-449184 (u/p: Puan Sandra Samson)</p> | <p>JAWATANKUASA PERTANDINGAN PRODUK KRAF BULUH Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) Shoplot No.16 & 17 Kawasan Terminal Ekspres Bandar Baru Tanjung Manis 96150 Tanjung Manis, Sarawak.</p> <p>Tel: 084-613 979, Faks: 084-613 517 (u/p: En Kaswadi Buang)</p> |
| <p>JAWATANKUASA PERTANDINGAN PRODUK KRAF BULUH Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) Lot 114-117, Block 5 Jalan Ding Lik Kwong P.O.Box 1639 96008 Sibul, Sarawak.</p> <p>Tel: 084-335 059, Faks: 084-320 069 (u/p: Pn. Jessica Ayom)</p> | <p>JAWATANKUASA PERTANDINGAN PRODUK KRAF BULUH Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) 3rd, 4th, 5th Floor, Block D2 Lot 2203, 4172 & 4173 Paragon Bintulu P.O.Box 574,97008 Bintulu, Sarawak.</p> <p>Tel: 086-351 654, Faks: 086-351 754 (u/p: En. Azman Mahli)</p> |
| <p>JAWATANKUASA PERTANDINGAN PRODUK KRAF BULUH Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) Lot 2055, Tingkat 4 & 5 Jalan MS 1/1, Marina Square 1, Marina Parkcity, CDT 68 98009 Miri, Sarawak.</p> <p>Tel: 085-325 113, Faks: 085-325 120 (u/p: En. Matius Mujur Apong)</p> | <p>JAWATANKUASA PERTANDINGAN PRODUK KRAF BULUH Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) Lot 226, Tingkat 1 Jalan Sungai Bangkita P.O.Box 644, 98708 Limbang, Sarawak.</p> <p>Tel: 085-215 694, Faks: 085-215 697 (u/p: Pn. Ema Fazlina Zakaria)</p> |

HADIAH PERTANDINGAN

- Hadiah-hadiah untuk setiap kategori pertandingan adalah seperti berikut:-

| Hadiah | Anyaman tikar berasaskan buluh | Produk Perabot berasaskan buluh |
|---|---|--|
| Hadiah tempat Pertama | RM2,000 | RM2,000 |
| Hadiah tempat Kedua | RM1,500 | RM1,500 |
| Hadiah tempat Ketiga | RM1,000 | RM1,000 |
| Hadiah Saguhati (No 4 – No 18) | RM500 | RM500 |
| <i>Semua penyertaan akan diberi sijil penyertaan sebagai pengiktirafan</i> | | |

- Semua pemenang akan dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pertandingan melalui telefon, surat atau email
- Tarikh dan lokasi penyampaian hadiah kepada pemenang akan dimaklumkan kepada pemenang.



**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN PRODUK KRAF BULUH PUSAKA
(Sempena Sambutan Ulangtahun PUSAKA Ke-50)**

Salinan borang fotokopi adalah dibenarkan
(Sila isi maklumat dengan lengkap menggunakan huruf besar)

Nama Penuh (Seperti dalam Kad Pengenalan) : _____

No. K/P : _____

Alamat : _____

Poskod : _____

No. Telefon : Rumah/Pejabat : _____ No. Tel. Bimbit: _____

Alamat Emel : _____

Kategori Produk (*tanda √ pada kategori yang berkaitan*):

| | | | |
|--------------------------|---------------------|--------------------------|----------------------|
| <input type="checkbox"/> | Anyaman Tikar Buluh | <input type="checkbox"/> | Produk Perabot Buluh |
|--------------------------|---------------------|--------------------------|----------------------|

Tajuk Produk Kraf & Penerangan :

Sila guna kertas lain (jika perlu) untuk menerangkan keaslian, inovasi, pemilihan bahan dan kemasiaipan

Jenis buluh/ bahan yang digunakan : _____

Pengesahan:

Dengan ini, saya mengesahkan bahawa produk yang dihasilkan tidak pernah diterbitkan dan bersetuju dengan terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam peraturan ini.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Sila hantarkan penyertaan tuan/puan pada atau sebelum 28 April 2023 (Jumaat) sebelum jam 5 petang kepada alamat seperti yang dilampirkan

GAMBAR
PESERTA



**PERTANDINGAN PRODUK KRAF BULUH
(SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE 50 PUSAKA)**

NO:

BORANG PENERIMAAN

Kategori Produk (*tanda √ pada kategori yang berkaitan*):

| | | | |
|--|----------------------------|--|-----------------------------|
| | Anyaman Tikar Buluh | | Produk Perabot Buluh |
|--|----------------------------|--|-----------------------------|

Nama & No.K/P :

Tandatangan & Tarikh:.....

Nama Penerima:

Tarikh: